

M A H A T H I R - PELABURAN
OLEH RACHMANN NORDIN
(1) 1984

CHICAGO, 12 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEWBERITAHU 'AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA UNTUK MENGHADAPI KENYATAAN BAHAWA MEREKA PERLU MEMINDAHKAN KEGIATAN-KEGIATAN PENGELUARAN KE LUAR NEGERI SAMA ADA UNTUK PASARAN DALAM ATAU LUAR NEGERI.

KATANYA KADAR FAEDAH TINGGI DAN KEDUDUKANDOLAR YANG KUKUH MENGAKEATKAN HARGA BARANG-EARANG KELUARAN AMERIKA TERKELUAR DARIPADA PASARAN ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHUPARA PEMIMPIN PERBADANAN-PERBADANAN DISINIBAHAWA +HUJAH YANG MENYATAKAN BARANG-EARANG KELUARAN AMERIKA ADALAH LEBIH BERMUTU TINGGI TIDAK BOLEH DITERIMA LAGI.+

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM HUBUNGAN INI MALAYSIA BOLEH MEMBANTU MEREKA MENGATASI KEKURANGAN-KEKURANGAN DARI SEGI PERBANDINGAN.

PERBADANAN-PERBADANAN SEPARUH-AMERIKA AKAN MENDAPATI KELEBIHAN-KELEBIHAN DARI SEGI PERSEKITARAN DAN EKONOMI DI MALAYSIA YANG DAPAT MENYUMBANGKAN KEJAYAAN BAGI MEREKA, KATANYA DALAM UCAPAN DI MAJLIS JAMUAN YANG DIADAKAN OLEH FIRST NATIONAL BANK OF CHICAGO SEMALAM.

JIKA DIPANDANG DARI SEGI STANDARD ASIA TENGGARA, PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM BIDANG-BIDANG POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI ADALAH TERISTIMEWA, KATANYA.

MALAYSIA PERCAYA IA DAPAT MENGADAKAN PERSEKITARAN YANG MEMBOLEHKAN PERBADANAN-PERBADANAN AMERIKA MEMPUNYAI KELEBIHANDARI SEGI PERSAINGAN.

KEJAYAAN INDUSTRI KOMPONEN-KOMPONEN ELEKTRONIK DAPAT DIULANGI DALAM BANYAK BIDANG LAIN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA 20 PERATUS DARIPADA INDUSTRI-INDUSTRI AMERIKA ADALAH PERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN ASING DAN DALAM KEBANYAKAN INDUSTRI TERSEBUT MEREKA KEHILANGAN KELEBIHAN PERSAINGAN, SESETENGAHNYA KEPADA JEPUN, KOREA SELATAN, TAIWAN DAN NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR.

NEGARA-NEGARA TERSEBUT TIDAK LA61 MENGELUARKAN KRAFTANGAN DAN BARANG-BARANG TIRUAN TETAPI TELAM MEMASUKI INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN HASIL PENGELUARAN MEREKA DISESUAIKAN DENGAN PASARAN DAN DENGAN HARGA YANG MENARIK.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA DASAR PERLINDUNGAN AMERIKA, PENGUSAHA-PENGUSAHA AMERIKA AKAN MENDAPATI SUKAR UNTUK MENJUAL HASIL 'PENGELUARAN MEREKA DALAM PASARAN MEREKA SENDIRI.

PENGASINGAN TIDAK AKAN BERJAYADARI SEGI POLITIK PAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA DAN TIDAK ADA SEBAB UNTUK MEMIKIRKAN BAHAWA PENGASINGAN EKONOMI AKAN BERJAYA, KATANYA.

AMERIKA SYARIKAT SENDIRI TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN UNTUK SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUANNYA DAN SUDAH TENTU IA MEMERLUKAN PASARAN ASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PERBADANAN-PERBADANAN AMERIKA BAHAWA MEREKA HANYA MEMBUKAPINTU UNTUK BERTINDAK BALAS JIKA MEREKA MENGAMALKAN PERLINDUNGAN DARI SEGI BORONGAN.

**+DENGAN KATA-KATA YANG LAIN, ANDA PERLU BERDAGANG DENGAN SELURUH DUNIA DAN ANDA PERLU MENGEKALKAN PASARAN YANG TERBUKA,+ KATANYA. --
BERNAMA**